



2 OKTOBER, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MINGGU KESIHATAN KEBANGSAAN: KESEDARAN ALAM SEKITAR YANG BERSIH

Minggu Kesihatan Kebangsaan pada tahun ini bermula dari 30 September 1985 hingga 6 Oktober 1985, jadi sepanjang minggu ini kita sedang berada dalam kempen minggu kesihatan.

Kempen seperti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya alam sekitar yang bersih, di samping menggalakkan kita semua agar memandang

kesihatan itu sebagai suatu yang patut diutamakan serta dipelihara demi kepentingan kehidupan kita yang sejahtera, bahagia dan tenteram dalam sebuah negara yang berkeadilan ini.

Minggu Kesihatan Kebangsaan mula dikenalkan kepada masyarakat kita pada tahun 1978, dan sejak itu pihak-pihak yang berkenaan telah berhasil dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di samping berjaya mengatasi masalah-masalah kesihatan kesan dari kebersihan alam sekitar yang kurang memuaskan.

Keperluan memelihara alam sekitar yang bersih itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Ia harus bermula dari diri kita sendiri, tingkah laku, seterusnya alam sekitar. Pengabaian salah satu unsur ini - individu, tingkah laku, alam sekitar akan menyebabkan kegagalan kerannya ia perlu diseraskan dalam setiap tindakan kesihatan.

Individu yang menganggotai suatu masyarakat haruslah memandang berat terhadap perlunya alam sekitar yang bersih dengan cara menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang lain seperti tidak membuang sampah di merata tempat. Tingkah laku yang memandang jijik terhadap longgokan sampah yang menyebabkan tempat membiaknya nyamuk, lalat dan tikus bukan sekadar menghindari dari tempat tersebut tetapi perlu

diambil langkah positif untuk membersihkan kawasan tersebut.

Dalam pada itu kita berkeyakinan Lembaga Bandaran serta Bahagian Kesihatan dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan memanglah sentiasa memandang berat terhadap hal ini tetapi kejayaannya dapat dicapai dengan adanya kerjasama menyeluruh dari orang ramai.

Keinginan bangsa kita untuk terus hidup dalam suasana alam sekitar yang bersih adalah bersesuaian dengan dasar kesihatan kebangsaan kita yang diselenggarakan ke arah memperbaiki kualiti hidup kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini kerana kualiti hidup yang sempurna yang berasaskan kepada ajaran Islam akan lebih memungkinkan kita untuk terus membangun negara di samping membolehkan kita meningkatkan kemurnian Melayu Islam Beraja yang menjadi konsep kenegaraan kita dalam mana Islam itu begitu dominan dan ajaran-ajarannya menggalakkan pengikut-pengikutnya agar sentiasa bersih dan sihat dari segi mental dan fizikal serta budi pekerti yang baik.

Dasar kesihatan negara kita juga telah berjaya menghapuskan banyak penyakit kanak-kanak seperti batuk mengukul, batuk kerongkong, kancing gigi dan penyakit lumpuh. Penyakit batuk kering juga sudah berjaya dikurangkan dan jangkitan penyakit ini sudah dapat dihin-

dakan dari merebak dengan adanya tindakan pencegahan serta rawatan kesihatan yang semaksima mungkin. Penyakit yang berpunca dari serangga seperti kepik, denggi dan taun sudah dapat dibasmi walaupun belum secara menyeluruh tetapi negara kita sudah bebas dari penyakit taun.

Dasar kita bukan cuma mengubati penyakit secara ubat-ubatan tetapi juga bagi membentuk persekitaran yang sihat lahir dan batin. Alam sekitar yang terkawal serta bersih cukup kuat mendukung ciri hidup sihat. Kerana itu tingkat kesedaran tentang kesihatan di kalangan bangsa kita terus disemai, sentiasa dipupuk melalui pelbagai cara seperti mengadakan minggu kesihatan ini atau menganjurkan kempen kebersihan yang sekarang ini masih lagi dilakukan di kampung-kampung dan di sekolah-sekolah. Semuanya ini dicitakan agar negara kita akan sentiasa dalam suasana alam sekitar yang bersih.

Menjaga kesihatan diri sendiri merupakan asas piramid kesihatan. Pendekatan awal bermula dari diri kita kerana kita adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang bergabung dalam lingkungan sosial suatu bangsa yang beribawa yang tidak kendur-kendurnya meningkatkan kerjasama dalam apa jua usaha-usaha kemajuan kesihatan yang dihasratkan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan kita semua jua.

TULISAN JAWI MUNDUR KERANA TAMADUN BARAT

Oleh Abdul Karim HAB

BERAKAS. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim berkata kekuatan pengaruh 'penjajahan dan tamadun Barat telah memundurkan kedudukan tulisan Jawi sehingga menyebabkan ramai orang Islam yang tidak boleh membaca dan menulis Jawi.

Menurutnya banyak pengetahuan sejarah, kebudayaan, politik dan lain-lain yang tersimpan dalam perbendaharaan di Nusantara ini yang ditulis dalam tulisan Jawi telah tidak diketahui oleh generasi sekarang, sehingga terjadi seolah-olah ada suatu batas pemutus antara tamadun yang dibawa oleh Islam dengan yang ada pada masa ini.

"Kita dapati sebahagian daripada generasi baru oleh kerana tidak mendapat pengetahuan yang baik tentang asal usul generasi yang lama telah meraba-raba mencapai identiti dan keperibadian dan membangun keperibadian itu di atas dasar-dasar yang tidak tentu bagi sabut di tengah laut dilambung ombak ke sana ke mari

dengan tidak tentu arah yang dituju," katanya.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya menyatakan perkara itu ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Peraduan Khat ASEAN 1985 di Pusat Dakwah Islamiah, Kampong Pulaie pada pagi Ahad, 29 September lepas.

Menurutnya, pembangunan keperibadian melalui cara yang disebutkan tidak dapat menghasilkan sesuatu yang berguna bagi bangsa-bangsa yang ingin tegak maju dengan keperibadian sendiri bertunjangan kepada asal usul yang dahulu.

"Apabila kita kembali semula ke dalam lembaran sejarah yang ditulis dalam tulisan Jawi itu kita akan dapati bangsa-bangsa Nusantara yang beragama Islam adalah bangsa-bangsa yang besar yang mempunyai tamadun yang tinggi yang dikenali malah disegani oleh

bangsa-bangsa lain. Sayangnya dengan tiada pengetahuan itu maka kita atau sebahagian bangsa-bangsa di Nusantara tidak mempunyai tamadun malah mereka terpaksa bergantung tamadun kepada bangsa-bangsa yang menjajah dari semua segi. Maka penjajahan tamadun masih berleluasa di dunia sebelah sini," tegasnya lagi.

Terdahulu dari itu, Yang Dimuliakan Pehin menyatakan tulisan Jawi yang berasaskan tulisan Arab dikenali di Nusantara sejak lebih dari seribu tahun, diperkenalkan melalui dakwah agama Islam yang dibawa dari tanah Arab hingga berkembang menjadi tulisan tamadun yang tinggi yang dapat mempengaruhi kehidupan berjuta manusia di Nusantara.

Katanya, melalui tulisan Jawi penduduk Nusantara telah mengenali peradaban dan ilmu pengetahuan yang disebarkan oleh agama Islam dan kita masa ini telah mewarisi kekayaan perbendaharaan tamadun dan pengetahuan yang dibawa oleh datuk nenek kita yang dulu.

TSUKUBA Expo '85 telah berakhir pada 16 September yang lalu. Eksposisi yang diadakan di Bandaraya Tsukuba, kira-kira 50 kilometer di utara Tokyo itu telah ditutup rasmi oleh Putera Mahkota Jepun, H.I.H. Akihito dalam satu upacara yang penuh warna-warni.

Sebelum menyempurnakan penutupan rasmi tersebut, Putera Mahkota Jepun bersama Puteri Michiko telah melawat balai-balai pameran di eksposisi tersebut selama tiga hari.

Dalam kunjungan itu Putera Mahkota Jepun, H.I.H. Akihito yang juga selaku Presiden Kehormat Tsukuba Expo '85 telah berkunjung ke Balai Pameran Negara Brunei Darussalam pada 14 September.

Semasa berada di balai pameran negara kita itu, Putera Mahkota Jepun itu telah diberikan penerangan oleh Setiausaha Tetap Kementerian

Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat (gambar atas).

Tsukuba Expo '85 diadakan selama 184 hari yang dihasratkan untuk menggabungkan sains dan teknologi dalam kurun yang ke-21.

Sebanyak 48 buah negara dan 37 buah pertubuhan antarabangsa menyertai eksposisi tersebut.

Balai Pameran Negara Brunei Darussalam yang ditempatkan berdekatan dengan balai-balai pameran negara-negara ASEAN menarik lebih dari 1½ juta orang pengunjung sepanjang eksposisi selama enam bulan itu.

Jumlah keseluruhan yang mengunjungi eksposisi tersebut mencapai bilangan 20 juta seperti yang dijangkakan oleh pihak penganjur.

Tindakan tatatertib akan diambil

Dari muka 1

melibatkan orang ramai berhubung dengan mana-mana tindakan Kerajaan, atau mengambil bahagian dalam sesuatu perjumpaan atau mesyuarat yang sedemikian bagi faedah-faedah yang sama.

Pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan tidak boleh menjadi sebagai seorang pembahagi buku mengenai politik atau menandatangani atau mendapatkan tanda-tanda tangan untuk mana-mana rayuan orang ramai berkenaan dengan perbuatan atau

cadangan-cadangan Kerajaan.

Pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan adalah ditegah menjadi ahli sebarang parti politik atau jawatankuasa bagi mana-mana pertubuhan politik atau memegang mana-mana jawatan dalam pertubuhan itu sama ada bertindak selaku wakil atau ahli politik bagi pertubuhan sedemikian itu secara langsung atau tidak, berucap dalam mana-mana perjumpaan atau mesyuarat yang berhubung dengan pertubuhan sedemikian, dan mengambil bahagian bagi melanjutkan tujuan per-

tubuhan sedemikian.

Pengertian "penglibatan" adalah meliputi menjadi ahli biasa, bertugas dalam jawatankuasa kecil daripada sebarang parti atau persatuan politik, daripada mengambil bahagian dalam perarakan-perarakan, perjumpaan-perjumpaan dan penunjukan-penunjukan perarakan daripada membuat syarahan-syarahan, melaksanakan pamasukan ahli-ahli atau menyelenggarakan pemungutan yuran-yuran atau derma-derma, dan daripada menolong dalam sebarang jalan, secara rahsia atau terang dalam

melaksanakan lebih lagi tujuan dan maksud-maksud daripada sebarang persatuan tersebut.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dengan ini diberitahu bahawa pada masa akan datang tindakan tatatertib (Disciplinary Action) akan diambil ke atas mana-mana Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang melanggar surat keliling ini. Tidak mematuhi peraturan ini dengan alasan tidak mengetahui atau memahami isi kandungan surat keliling ini tidak akan diterima sebagai alasan pelanggaran.



AWANG Haji Metussin bin Hj Ahmad, pemenang Hadiah Terbaik Bagi Semua Kumpulan dan pemenang Kategori A menerima hadiah dari Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

PERANAN INNOTECH PENTING DI RANTAU INI

Oleh Ahat Ismail

GADONG. — Setiausaha Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit menyatakan pelbagai ruang kemajuan ekonomi dan sosial telah dilaksanakan ke arah menghapuskan kemiskinan di negara-negara Asia Tenggara.

Berucap merasmikan Mesyuarat ke-28 Badan Pelaksana Pembaharuan dan Teknologi Pelajaran (INNOTECH) di Pusat Tingkatan Enam berkata ketika ini banyak usaha dijalankan bagi memajukan barang-barang di rantau ini untuk dipasarkan terutama bahan-bahan mentah yang kesemua itu mempunyai nilai serta mutu yang tinggi.

"Tidak syak lagi," katanya, "keayaan proses ini bergantung kepada banyak faktor. Di antaranya ialah perlu adanya tenaga manusia yang dedikasi dan terlatih dengan sempurna yang mencukupi di setiap peringkat pengurusan teknologi, penyelidikan dan kemajuan sektor-sektor penghasilan, pengeluaran dan pemasaran barang-barang."

Dalam pada itu beliau menjelaskan salah satu sebab kejayaan negara-negara yang maju seperti Jepun dan Amerika dalam kemajuan

ekonomi ialah terdapatnya banyak tenaga tempatan yang dedikasi di negara berkenaan.

Beliau menambah, berlandaskan keadaan tersebut menjadikan banyak pelaburan dibuat oleh negara-negara berkenaan.

Di bidang pendidikan sampingnya lagi, Amerika dan Jepun membelanjakan kira-kira 5% daripada KKN (GNP) yang mana biasanya lebih dua kali ganda angka yang dibelanjakan untuk pelajaran di rantau ini.

"Tetapi," tegasnya, "dengan keadaan perkembangan yang ada sekarang, tidak semua negara-negara di SEAMEO mampu untuk membelanjakan 5% dari KKN mereka ke atas pelajaran setiap tahun."

"Ini bukanlah satu pekerjaan yang mudah, tetapi saya percaya INNOTECH boleh memainkan peranan yang aktif di rantau ini untuk mengadakan beberapa pembaharuan dan mengatasi masalah-masalah," ujarnya.

Terdahulu dari itu Puan Liceria Brillantes Soriano, Pengarah INNOTECH dalam ucapan alu-aluannya menyatakan mesyuarat

tersebut antara lain merumuskan garis-garis panduan dan keperluan-keperluan bagi melaksanakan rancangan kemajuan lima tahun ketiga bagi operasi-operasi tetapi INNOTECH, seperti mengendalikan program latihan serta aktiviti lain di mana Brunei Darussalam salah sebuah negara anggota juga akan memainkan peranan yang penting.

Selain dari itu, INNOTECH jelasnya akan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan dalam apa jua sama ada dalam bentuk latihan atau dalam bentuk penyelidikan atau pertukaran maklumat.

"Ini adalah satu cara untuk menahyut mandat SEAMEO yang memerintahkan INNOTECH supaya menolong mengenal pasti keperluan-keperluan negara-negara anggota dan membantu mereka untuk mendapatkan penyelesaian terhadap masalah-masalah sedemikian," katanya.

Turut menyampaikan ucapan di perasmian itu termasuklah Timbalan Menteri Pelajaran Filipina, Dr. Abraham Felipe dan Pengarah Pelajaran Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

PEROLEHI DIPLOMA KESELAMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi anak tempatan, Pg. Mohd. Daud Pg. Hj. Mohammad, Pegawai Pencegah Kebakaran di Jabatan Pasukan Bomba telah berjaya memperoleh

Diploma dalam Pengurusan Keselamatan Majlis Keselamatan British.

Beliau adalah antara 15 orang peserta yang menerima diploma tersebut dari Dr.

Doughlas Latto, Pengurus Majlis Keselamatan British, setelah mengikuti kursus selama sepuluh minggu di Kapal Latihan, St. Katharine yang ditambah di Tower Bridge, London.

Kursus bermula dengan keselamatan am yang meliputi mata pelajaran seperti pencegahan kemalangan, kenderaan dan bahaya kimia dan kemudian mempelajari mengenai perhubungan keselamatan, kesihatan, lanjutan pengurusan keselamatan dan total loss control.

Kursus tersebut disertai antara lain oleh peserta dari India, Malaysia, Afrika dan Scandinavia. Kursus Diploma dalam Pengurusan Keselamatan akan bermula lagi dalam bulan Jun tahun depan.

Kejohanan renang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan akan menganjurkan kejohanan renang kumpulan bawah umur pada 6 Oktober bertempat di Kolam Renang Anggerik Desa jam 9.00 pagi.

Kejohanan itu terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu kumpulan kanak-kanak yang berumur 8 tahun ke bawah, kumpulan umur 9 dan 10 tahun, kumpulan umur 11 dan 12 tahun, kumpulan umur 13 dan 14 tahun, kumpulan umur 15 dan 16 tahun serta kumpulan umur 17 tahun ke atas.

Para peserta hendaklah berkebolehan berenang dalam 50 meter, dan ianya terbuka kepada orang ramai.

Mereka yang ingin menyertainya hendaklah mengisikan borang penyertaan yang terdapat di Kolam Renang Anggerik Desa serta membawa keterangan-keterangan lengkap seperti Kad Pengenalan atau Surat Beranak.

Acara-acara yang dipertandingkan ialah 50 meter gaya bebas, 50 meter gaya dada, 50 meter kuak kupu-kupu dan 50 meter gaya terlentang.

Kejohanan sepak takraw anjuran APHLM — PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Pemuda Hadrh Laila Mufakat Kampong Saba APHLM (PERKASA) akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw kali ke-2 bagi merebut Piala Tuan Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman.

Ianya adalah terbuka kepada persatuan-persatuan belia, kelab-kelab, syarikat-syarikat perniagaan, maktab-maktab dan badan-badan sukan di seluruh negara dan kejohanan itu dianjurkan bertujuan bagi memperingati lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mukim Saba.

Antara syarat-syarat penyertaan ialah pemain-pemain kebangsaan dan bekas pemain-pemain kebangsaan

tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini dan akan dijalankan secara double knock out. Lain-lain peraturan adalah berpandukan kepada dasar dan undang-undang PESTA BARU BRUNEI.

Penyertaan memasuki dikenakan bayaran sebanyak \$25.00 bagi satu pasukan dan tarikh tutup penyertaan ialah pada 15 Oktober, jam 4.00 petang.

Borang penyertaan boleh didapati daripada Awang Yaakub bin Tengah, JBKS Pusat Belia, Zaman Samat, Jabatan Kastam Pelabuhan Muara, Haji Pulau Serudin, Jabatan Letrik, Haji Idris bin Haji Ibrahim, Jabatan Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Awang Damit bin Haji Sulaiman, Kampong Ujong Kelinik.

Ikuti kursus Posmen di K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos kini berada di Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengikuti Kursus Posmen Tingkatan Khas

di Institut Latihan Pos. Awang Hashim bin Mohd. Salleh, Awang Ahmad bin Haji Momin, Awang Sulaiman bin Haji Abd. Rahman dan Awang Pungut

bin Omar berada di sana selama empat minggu termasuk dua minggu penempatan di Pejabat-pejabat pos, Kuala Lumpur bermula 30 September.



Awang Hashim



Awang Pungut



Awang Ahmad



Awang Sulaiman

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 2 Oktober hingga 8 Oktober 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Seko'ah Rendah Kerajaan Serasa	2.10.1985	Rabu	10.00-10.30 pagi
Seko'ah Rendah Kerajaan Mentiri	2.10.1985	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul			
Bubun Sungai Besar	2.10.1985	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang	2.10.1985	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Lumut dan			
Sungai Liang	3.10.1985	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah			
Bolkiah	3.10.1985	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan A. Haji Md			
Yusoff Katimahar	5.10.1985	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	5.10.1985	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Mu'at	5.10.1985	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Birau	5.10.1985	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang	5.10.1985	Sabtu	2.45- 3.45 "
Seko'ah Rendah Kerajaan Lamunin	5.10.1985	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md Salleh	7.10.1985	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sungai Hanching			
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	7.10.1985	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	8.10.1985	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa,			
Berakas	8.10.1985	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar Kampong			
Kiuaio	8.10.1985	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	8.10.1985	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	8.10.1985	Selasa	4.30- 5.00 "

Kakitangan RBA diseru: PERBAIKI KECEKAPAN PEKERJAAN

BERAKAS. — Pengurus Umum Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim menyeru kakitangan RBA bersatu padu dalam setiap usaha berkebakikan dan dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi imej syarikat dan negara ini.

"Salah satu daripadanya ialah dengan memperbaiki kecekapan pekerjaan kita," tegas beliau ketika berucap di Majlis Sambutan Tahun Hijrah 1406 dan Doa Selamat bagi kepulauan kakitangan RBA dari Tanah Suci Mekah

Oleh Abd. Karim HAB

pada malam Ahad, 21 September di Dewan Kuliah Stadium Negara di sini.

"Kita harus meningkatkan lagi mutu pekerjaan kita. Saya percaya tidak ada orang lain lagi yang akan menjolkan syarikat kepunyaan kita ini melainkan kita jua," ujarnya.

Di antara aturcara malam itu ialah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Momin bin Haji Bini dan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Pengiran Yunus bin Pengiran

Haji Besar.

Sebuah syarahan khas telah disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, seorang Pegawai Ugama Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Majlis itu juga telah diserikan dengan persembahan dua buah lagu dakwah, 'Hijrah' dan 'Musim Haji' oleh kakitangan RBA di bawah pimpinan Dayang Mirza Haji Ibrahim, seterusnya bacaan doa selamat atas kepulauan jemaah-jemaah haji, syarikat tersebut dan diakhiri dengan jamuan makan malam.



SEBAHAGIAN dari pegawai-pegawai kanan RBA dan jemputan khas yang menghadiri majlis sambutan malam itu.

Konsep MIB bukan satu perkara yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Penerangan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab menegaskan Konsep Negara Melayu Islam Beraja bukanlah suatu konsep yang baru.

"Konsep tersebut sudah lama wujud dan diamalkan sejak sekian lama. Ianya seolah-olah baru kerana sebelum titah pemasyhuran kemerdekaan Konsep MIB tidak pernah diberitakan atau diisytiharkan secara rasmi," terangnya.

Menyatakan perkara itu kepada 36 orang peserta rombongan kapal belia Asia

Oleh Haniza Abdullah

Tenggara 1985 di Pusat Belia di sini pagi Isnin 24 September lepas, Awang Haji Sulaiman menjelaskan kewujudan awal Konsep MIB dapat dibuktikan melalui sejarah di mana Brunei tidak pernah luput daripada hakikatnya sebagai sebuah negara Melayu yang berpemerintahan beraja dengan mendapat pengaruh serta unsur yang kuat daripada ajaran Islam sebagai ciri-ciri terpenting bagi rakyat dan kerajaan.

Menurutnya lagi, walaupun ciri-ciri tersebut pernah digugat oleh kuasa-kuasa asing tetapi dengan adanya semangat patriotik dan perpaduan yang kukuh di kalangan raja dan rakyatnya maka ciri-ciri tersebut dapat dipertahankan serta dihayati hingga ke hari ini.

Dalam Perlembagaan pula, jelasnya kedudukan dan corak MIB telah diperkukuhkan dalam perlembagaan perkara-perkara seperti kuasa memerintah, menaiki takhta, Perdana Menteri mestilah seorang Melayu Brunei yang beragama Islam, Ugama Islam menjadi Ugama Rasmi, Bahasa Melayu menjadi Bahasa Rasmi, dan taraf Kebangsaan iaitu yang menetapkan ketulenan kepada bangsa Melayu/Melayu Brunei yang terdiri daripada tujuh puak asal negara ini.

Beliau menegaskan bahawa dengan kata lain MIB merupakan suatu konsep yang amat ideal dan praktikal bagi bangsa dan Negara Brunei Darussalam kerana ianya bukan sahaja diwarisi dari zaman berzaman tetapi sesuai dengan aspirasi nasional dan negara, di mana ianya tidak pernah menyekat kemajuan dan menghimpit kehidupan rakyat untuk terus menerus dalam keadaan harmoni di samping menikmati kemewahan dan ke-teraman.

Dasar kerajaan mengenai dengan konsep tersebut

katanya adalah jelas di mana penduduk yang terdiri daripada orang-orang asing dan orang-orang yang bukan dari keturunan Melayu dalam konsep ini telah diseru supaya mereka menyesuaikan diri dengan iklim sosial-politik negara ini.

"Oleh kerana itu, tidak ada sebab bagi kita meragukan kesungguhan dasar dan kepentingan kerajaan pada mengekalkan Negara Brunei Darussalam ini sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja di mana rakyat dan penduduk di dalamnya akan terus berkehidupan yang harmoni menjunjung kedaulatan negara dan bersama memenuhi azam serta mencapai aspirasi nasional sebagaimana yang telah termaktub dalam titah pemasyhuran kemerdekaan itu," ujar beliau.

Beliau menyarankan peranan dan tugas kita sekarang ialah memelihara konsep tersebut dalam ertikata mengukuhkan, menghayati serta mengembangkannya.

Kemerdekaan negara yang telah diambil oleh semula itu menurutnya lagi sudah tentu merupakan cabaran kepada kita dan kepada para pemimpin. Cabaran tersebut termasuk ke atas keyakinan kita terhadap kemurnian konsep yang telah dirumuskan itu serta keupayaan kita pada mengembangkan menerusi berbagai-bagai cara yang sesuai.

"Kita adalah perwaris yang mutlak dan bertanggungjawab untuk mewariskan konsep ini kepada anak-cucu atau generasi kita yang akan datang, selaku pewaris kita sudah semestinya mempunyai semangat patriotik pada mempertahankan keutuhan dan kemurnian konsep kita", jelas beliau.

Jadi andainya terdapat suara-suara yang sengkaja untuk menukar belitikan tujuan murni konsep tersebut maka adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kita pada mempertahankannya walau dengan apa cara sekalipun tambah beliau.



PERSEMBAHAN lagu-lagu dakwah disampaikan oleh kakitangan RBA. — Gambar oleh Harun Rashid.

Peraturan jalan raya diadakan untuk kepentingan semua

TEMBURONG. — Dengan adanya perasaan hidup bermasyarakat, bersatu padu, bersilaturahmi dan menyayangi sesama insan, tiada sebab siapa pun yang akan boleh ditimpa kemalangan hanya kerana terdapatnya kecuaiannya seseorang dalam mengikuti undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya.

Katanya, kita semua menginginkan darjah kehidupan harmoni yang bermahatinggi dengan berpanduan masyarakat yang kuat lagi berdisiplin yang mana patut kita pertahankan dan kekalkan walaupun corak kemajuan mengubah permukaan alam.

Demikian telah ditegaskan oleh Awg. Haji Mohammad bin Haji Seruddin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika berucap merasmikan peraduan permainan lalulintas Shell bagi peringkat Daerah Temburong di sini baru-baru ini.

Semangat kesedaran yang ingin merangkul terus keadaan ini hendaklah terdapat di segenap bidang, termasuk di bidang penggunaan jalan raya, kerana menurut beliau, undang-undang dan peraturan jalan raya diadakan adalah untuk kepentingan semua demi pengawalan lalulintas dan

keselamatannya.

Jelasnya, sebagai kaum dewasa, kita patut mengasuh dan menjadi contoh kepada anak-anak kita dari awal-awal lagi akan undang-undang jalan raya, kerana kita sendiri sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap pertumbuhan mereka.

Selain dari itu tambahnya, penanaman pengetahuan mengenai peraturan dan undang-undang jalan raya yang disalurkan melalui sekolah seperti halnya yang diadakan permainan lalulintas Shell Brunei adalah kena pada tempatnya, kerana apakala dewasa kelak mereka ini juga akan menjadi pemilik berbagai kenderaan selain dari sekarang sebagai pejalan kaki dan penunggang basikal.

Di samping kita berhati-hati dan cermat dalam menggunakan jalan raya, sifat bertanggungjawab terhadap sesama pengguna jalan raya adalah suatu amalan baik yang patut digalakkan, "selain dari itu kita harus sentiasa berawas-awas terhadap kemungkinan pihak lain yang mungkin tersilap dan dari itu dapat mengelak kemalangan dan tidak semata-mata bersifat berpujanya, angkuh, hanya kerana kebetulan kita di pihak yang lurus," jelas Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan lalulintas yang bertepatan 'Cuai Puncu Kemalangan' pada tahun ini bagi peringkat Daerah Temburong telah disertai oleh sembilan buah sekolah rendah Kerajaan yang mana Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Hagan Bangar telah muncul sebagai pemenang pertama dengan memperoleh 97 markah.

Pemenang kedua dalam peraduan itu jatuh kepada Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Hashim Batu Apoi dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Rendah Kerajaan Bokok.

Sejurus sebelum perasmian dilakukan ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengerusi Peraduan Permainan Lalulintas Brunei Shell, Pg. Mohd. Salleh bin Pg. Kamaluddin dan ucapan wakil Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei.

Sementara hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Berbahagia Awg. Hj. Mohammad bin Hj. Seruddin.

Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Awg. Haji Abdul Kadir bin PDPD Awg. Haji Abd. Rahim, Imam Masjid Kampung Selangan, Temburong.

Angka Tunjuk bulan Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Ogos tahun ini ialah 146.4 mata, 0.2% lebih rendah dari angka tunjuk bagi bulan Julai dan 1.7% lebih tinggi jika dibandingkan dengan angka tunjuk bulan Ogos tahun lepas.

Turunnya angka tunjuk tersebut adalah disebabkan turunnya angka tunjuk bagi kumpulan makanan, walaupun angka tunjuk bagi pengangkutan dan perhubungan dan kumpulan barang-barang dan perkhidmatan ramaian telah naik. Angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain, bagaimanapun, masih tetap tidak berubah.

Perkara yang menyebabkan penurunan angka tunjuk kumpulan makanan ialah ikan seperti tenggiri, ikan merah, udang kecil, udang galah dan tahai dan sayur-sayuran iaitu sawi putih, timun dan kacang panjang. Menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan pengangkutan dan perhubungan ialah pengangkutan awam (tambang feri) manakala dari kumpulan barang-barang dan perkhidmatan ramaian ialah kenaikan harga pemeliharaan diri dan alat-alat (tuala wanita).

RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA 1985

Oleh Abd. Karim HAB
Gambar oleh Harun Rashid

252 BELIA ASEAN DAN JEPUN IKUT SERTA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 252 orang belia dari negara-negara Asean dan Jepun telah terpilih menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAY) 1985 bermula 3 Oktober depan.

Awang Hashim bin Pendek, Pegawai Latihan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan memberitahu, kesemua para peserta itu akan berkumpul di Singapura bagi Upacara Pelancaran. Setelah itu pada 8 Oktober kapal 'Nippon Maru' yang membawa peserta akan bertolak ke Pelabuhan Kelang, Malaysia. 16 Oktober (Jakarta), 24 Oktober (Bangkok), 31 Oktober (Pelabuhan Muara), 7 November (Manila) dan tiba di Tokyo pada 16 November. Pada 26 November para peserta pulang ke negara masing-masing dengan kapal terbang. Rancangan SSEAY 1985 mengambil masa 64 hari termasuk 54 hari dalam pelayaran.

Menurut beliau, di Singapura nanti para peserta akan melawat ke tempat-tempat bersejarah, tempat perindustrian, berbincang dan bertemu dengan belia-belia tempatan serta mengikuti program keluarga angkat.

Rombongan akan berada selama lima hari di setiap negara. Semasa di negara ini nanti mereka akan dibawa melawat Pusat Pertanian Sinaut, Dewan Majlis dan Lapau, Kampong Ayer, Pusat Orang-Orang Cacat di Kampong Pulaie dan Pusat Sejarah serta bertemu dengan belia-belia tempatan, majlis suai kenal dan perbincangan.

"Orientasi dua minggu bagi para peserta ini bertujuan menyediakan mereka menghadapi pelbagai rancangan yang telah disusun dalam kapal dan di negara-negara Asean dan Jepun," jelas beliau.

Katanya, tajuk-tajuk yang dibincangkan disesuaikan un-



AWANG Hashim Pendek, Penyelaras Minggu Orientasi.

tuk tajuk-tajuk perbincangan dalam kapal dan juga dalam perbincangan dengan belia-belia di negara-negara Asean dan Jepun.

"Dengan persediaan ini akan membolehkan mereka mengambil bahagian secara aktif, tidak malu-malu dan segen. Bahan-bahan untuk bacaan dan pameran juga disediakan," jelasnya.

Mengenai perbelanjaan rancangan ini, beliau memberitahu, keseluruhannya dibiayai oleh Kerajaan Jepun. Manakala Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan memberikan wang saku \$30 sehari, pakaian seragam, baju kot sepasang seorang termasuk kemeja, tali leher dan lensa serta baju sukan (track-suit) yang disumbangkan oleh pihak swasta.

Rombongan yang terdiri dari 29 lelaki dan tujuh wanita akan diketuai oleh Awang Bakar bin Moksin, Pegawai Kanan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan. Awang Abd. Hamid Abas selaku Ketua Belia dan Dayang Noraini bte Baha selaku Penolong Ketua Belia.

Menurut Awang Hashim, Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ini telah bermula pada tahun 1974 ditaja oleh Kerajaan Jepun dan terbuka kepada belia-belia dari negara-negara Asean dan Jepun yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun.

"Keutamaan untuk menyertai rancangan ini diberi kepada belia-belia yang cergas dalam pergerakan belia dan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris," jelasnya.

Negara Brunei Darussalam mula menyertai rancangan ini pada tahun lepas dengan menghantar tujuh orang belia selaku pemerhati.

PELITA BRUNEI difahamkan rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAY) ini bertujuan meningkatkan dan mempereratkan persahabatan dan persefahaman di kalangan para belia negara-negara Asean dan Jepun selain dari mendedahkan mereka kepada hal-hal antarabangsa, memberi peluang mereka bertemu di atas sebuah kapal dan melawat pelbagai negara dalam bentuk kegiatan seperti projek keluarga angkat, melawat pelbagai institusi dan bertukar-tukar fikiran dengan belia-belia tempatan.



JAWATANKUASA Kebudayaan sedang berbincang mengenai bentuk acara yang akan dipersembahkan. — Gambar oleh — Harun Rashid.

35 peserta jalani orientasi

BANDAR SERI BEGAWAN.

Seramai 35 orang belia negara ini yang terpilih dalam Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1985 tajaan Kerajaan Jepun dengan kerjasama negara-negara Asean sedang menjalani orientasi selama dua minggu di Pusat Belia di sini.

Di antara kegiatan yang mereka ikuti ialah taktik dari pihak Kedutaan Jepun dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam mengenai polisi luar negeri serta menonton filem mengenai kegiatan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1984.

Menurut Awang Abd. Hamid Abas, ketua belia dalam rombongan itu, mereka telah membentuk sebuah jawatankuasa dan dibahagikan kepada tujuh

kumpulan yang terdiri dari:

Pengerusi Kebudayaan, Awang Muslim Haji Mohd Yusof; Pengerusi Perbincangan, Mohd. Norzairi Yahya; Pengerusi Sukan Ria, Awang Taha Haji Mohd. Tahir; Pengerusi Penerangan/Pameran, Syekh Haji Abd. Kadir Syekh Haji Omar dan Pengerusi Tata Tertib, Awang Abd. Hamid Abas.

Sebanyak tiga jenis pameran akan diadakan iaitu Di Galeri A, Era Menandatangani Perlembagaan 1959; Era Kemerdekaan dan Pergerakan Belia di Brunei.

Galeri B pula akan memamerkan Pameran Permainan Tradisi terdiri dari permainan Pasang, Saluk-salukan, Main Tinting, Main Curut, Main Simban dan Main Congkak.



AWANG Abd. Hamid Abas, Ketua Belia.

Galeri C, Pameran Hasil Kerja Tangan Brunei terdiri dari meriam, gasing, takiding dan tudung dulang.

Sementara persembahan kebudayaan pula menurut Awang Abd. Hamid, termasuklah persembahan tari, Anding Rimba, Adai-Adai dan Zapin, silat, puisi drama, nyanyian Asli Brunei dan persembahan koir lagu-lagu patriotik Brunei serta persembahan Perkahwinan Orang-Orang Brunei.

Rombongan belia-belia negara ini terdiri dari Awang Abd. Hamid Abas, Dk. Hajjah Rokiah Pg. Haji Yusof, Awang Samali Badar, Ak. Abd. Rahman Pg. Haji Tuah, Dayang bte Haji Kassim, Awang Mohd. Taha Haji Mohd. Tahir @ Taha Haji Metahir, Dayang Noraini Baha, Ak. Ramee Pg. Haji Mat Jaafar, Jailani Haji Ibrahim, Abdullah Hamid.

Mat Yakob Yahya, Dayang Jusriani Apong, Zulkifli Haji Tengah, Ak. Mahadi Pg. Haji Salleh, Abd. Rahman Haji Habibullah, Yaakub Haji Nasir, Hajjah Suasa Haji Aman, Barhanalaidin Haji Md. Jamil, Awang Hassan Haji Abd. Hamid, Mohd. Norzairi Yahya, Awang Jaludin Tuah, Dayang Latifah Tengah, Awang Tamrin Ibrahim.

Awang Mazani Haji Abd. Kadir, Ali Rahman Haji Tasim, Sheikh Haji Abd. Kadir Sheikh Haji Omar, Dayang Patmah Mustapa, Awang Abridin Haji Matudin, Abd. Jalil Haji Mohd. Yusof, Awang Hassan Haji Shaari, Dayang Zamainie bte Marak, Ahmad Al-Shokry Haji Julaihi, Awang Muslim Haji Mohd. Yusof dan Awang

Rancangan kapal Belia sangat berfaedah

BANDAR SERI BEGAWAN.

Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara banyak memberikan faedah kepada para belia dari pelbagai negara yang menyertainya.

"Semasa mengikuti rancangan berkenaan banyak pengalaman yang diperolehi terutama dalam mengenal kebudayaan yang ada di negara-negara jiran kita dan Jepun. Jika di Malaysia, kebudayaan hampir sama tetapi di negara Thailand dan Jepun agak berbeza," jelas Dayang Hasnah Taha, peserta yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1984.

Menceritakan pengalamannya ketika menjadi anak angkat di negara Thailand dan Jepun, beliau memberitahu, "Kalau kita hendak masuk ke rumah orang Thai, kita hendaklah menundukkan sedikit kepala. Manakala di negara Jepun pula kita harus sentiasa tunduk untuk memberi hormat. Semasa menaiki rumah, kita hendaklah membuka kasut."

Dalam soal bahasa perhubungan dengan keluarga angkatnya di Thailand, menurutnya tidak timbul masalah.



DAYANG Hasnah Taha.

"Ibu angkat saya fasih berbahasa Inggeris tetapi ayah angkat saya sebaliknya. Jika saya hendak bercakap-cakap dengan beliau, ibu angkat saya lah yang akan menterjemahkan perbualan kami ke dalam bahasa Inggeris," jelas beliau.

Di samping itu, Dayang Hasnah juga berkesempatan mempelajari beberapa patah bahasa Thai semasa tinggal bersama mereka. Perhubungan melalui surat masih berterusan hingga sekarang.

Beliau memberitahu semasa di dalam kapal pula pelbagai kegiatan dan perbincangan diadakan. Salah satunya ialah persembahan kebudayaan

Dua peserta negara lahirkan rasa gembira

BANDAR SERI BEGAWAN. — Gembira dan berdebar-debar. Begitu perasaan yang menyelubungi hati dua dari 35 peserta negara ini yang terpilih dalam Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1985.

"Saya merasa gembira terpilih dalam rancangan ini dan gementar kerana belum dapat membayangkan bagaimana keadaan yang bakal dihadapi. Tambahan pula ini baru pertama kali saya berjumpa dengan keluarga," kata Dayang Jusriani binti Apong, 27.

Beliau adalah ahli biasa Badan Kebajikan Jabatan Audit dan telah bergiat dalam pergerakan belia selama lima tahun.

Menurutnya, dari susunan acara yang disediakan semasa dalam pelayaran dan ketika singgah di negara-negara ASEAN nanti, rancangan ini amat menarik dan mendatangkan banyak faedah.

"Acara perbincangan akan membolehkan seseorang belia mengukur setakat mana keupayaannya memimpin sesuatu kumpulan. Di samping itu rancangan ini akan mendedahkan para belia kepada pelbagai bentuk

kebudayaan negara yang dikunjungi dan seterusnya menjalin persefahaman di kalangan para peserta yang mengikuti program ini," terang beliau.

Awang Muslim bin Haji Mohd. Yusof, 24, ketua kumpulan Putra Seni sebuah persatuan yang giat memperjuangkan seni budaya bangsa juga merasa gembira.

"Seperti rakan-rakan lain yang terpilih, saya tentu amat gembira tapi ada juga rasa gementar kerana ini pertama kali berkumpul bersama belia-belia dari negara-negara Asean dan Jepun," katanya.

Dalam rombongan itu beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Kebudayaan.

Menurut Awang Muslim di antara persembahan kebudayaan yang akan diperlihatkan nanti ialah Tarian Adai-Adai, Tarian Anding dan Zapin. Selain itu mereka juga akan mempersembahkan puisi drama, 'Belia Darussalam' hasil tulisan Awang Abd. Hamid Abas dan akan diarahkan oleh Ak. Jamaluddin bin Pengiran Yusof. Tidak ketinggalan juga ialah persembahan seni silat Brunei dan seni silat Cekak.



AWANG Muslim bin Haji Yusof, 24, dilantik sebagai Pengerusi Kebudayaan.



DAYANG Jusriani Apong, 27, ".....rancangan ini datang banyak faedah."

Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali
Saifuddin.

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio
siaran asal dan ulangan
(kecuali hari Jumaat dan
Ahad)

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan
Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib
dan Isyak.

HARI RABU 2 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 3 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 4 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Pertandingan Bintang Asirama, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Fardu Jumaat, 12.50 — Majalah Ugama (SU), 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Rampaian Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

HARI SABTU 5 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan

Petang, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Penyanyi Harapan (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 6 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.
PETANG: 2.00 — Sekitar Masyarakat (SU), 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastra, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 7 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Ku-

liah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 8 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastra (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 9.00 — Tinjauan (SU), 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 Discovering Music: Rachmaninov's 3rd Piano Concerto — 54/65.
9.00 Perspective
9.30 Talking About Music — 270/270.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty Minute Theatre: Film, Film, Inspector Ghote by H.R.F. Keating
9.30 Jazz at The Questors: Morrissey & Mullen Band Prog. 8 (side 1 of 2)

FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 Religious Talk: Lawful and Unlawful Food In Islam — 7/13
11.15 Light Music From The Netherlands — 681
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 18th Cambridge Folk Festival: Figgy Duff — 4/8

P.M.

12.45 My Music — 370/436
1.15 Book Club: Castors Away by Hester Burton
1.30 Just for variety by duty announcer.
2.45 Fifteen-Minute Theatre: Gas shortage by Andrew Lynch

3.00 Calling On You by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese Programmes.
8.00 Religious Talk: Lawful and Unlawful Food In Islam (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: Two Old Dolls and A Scalpywag by David Parker
9.30 A Date with (repeat)

SATURDAY

P.M.

8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable Or Mineral — 41/46
9.00 Light And Easy with Chet Atkins & Orchestra
9.30 Top of The Pops—1088

SUNDAY

A.M.

11.00 Talentime Singing Contest 1985 Prog. 1
11.30 Home from Home — A Journey to Africa — 3/4

NOON

12.00 The Barry Forgie Big Band Sound with Danny Street — 9/10

P.M.

12.45 Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1088 (repeat)
1.30 Weteend Greetings by Charan Kumar
2.30 Just for variety by duty announcer.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Talentime Singing Contest 1985 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 17/60
9.30 Old-Time Favourites by Charan Kumar

MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: The Child by Olwen Wymark
8.45 The Arts Worldwide — Prog. 2/12
9.30 Top Tunes with The BBC Midland Radio Orchestra — 8/18

TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jafar Yaakob.
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Vintage Elton John side 1

DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)
7.00 Brunei's AM
Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah
7.36 Brunei's Am (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Friday and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Friday and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued)
Weather Forecast
Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat)
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
9.15 News.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan ketika berangkat di Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran sempena hari keputeraan ke-74 di Istana Nurul Iman. Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Amat Mulia 2nd Leftenan Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah. — Gambar oleh Ak Bahar/Pg. Haji Yaakub.

Majlis kesyukuran sempena keputeraan Paduka Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis doa selamat dan kesyukuran bersempena ulang tahun hari keputeraan Kebawah Duli (Yang Maha

Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada malam Sabtu lepas.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Pejabat Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan dan Kementerian Pertahanan.

Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam telah

Oleh Ahat Ismail

berangkat ke majlis itu.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia

dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan serta Yang Amat Mulia 2nd Leftenan Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah.

Hadir sama termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Pengiran Cheteria.

Juga hadir termasuklah Yang Dimuliakan Menteri-menteri Kabinet, Yang Dimuliakan Pehin-pehin Menteri serta Setiausaha-setiausaha Kementerian.

Sementara itu doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam.

Bangunan PLMAKB dirasmikan

SERASA. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, telah berkenan berangkat merasmikan bangunan baru Persatuan Layan Meluncur Angin Kebangsaan Brunei (PLMAKB), yang terletak di Pantai Serasa di sini Jumaat lepas.

Juga berangkat ke majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Penang PLMAKB.

Bangunan baru PLMAKB ini adalah dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Bangunan PLMAKB dibina pada awal tahun ini di satu kawasan seluas 0.5 ekar dan siap dalam bulan Julai lepas. Antara kemudahan yang terdapat termasuklah sebuah restoran dan kedai menyediakan perkakas sukan layan meluncur angin.

Jurucakap PLMAKB memberitahu PELITA BRUNEI setakat ini persatuan tersebut kini mempunyai kira-kira 180 orang ahli dan telah didaftarkan sebagai salah sebuah badan persatuan di negara ini pada 30 November '83.

Sepanjang tahun 1984-1985 menurut jurucakap itu lagi PLMAKB telah menyertai banyak kejohanan luar negeri seperti Kent Cup di Kota Kinabalu, 9th Singha Siam World Cup '84 di Pattaya Thailand, Labuan International Regatta serta jempunan terbuka Johor.



SEBUAH cenderamata disampaikan kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna oleh Dayang Siti Serihine binti Haji Mohd. Yusof, Isteri Yang Dipertua PLMAKB. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Pameran Kerja Tangan dan Makanan

Dari muka 1

Negara kita Brunei Darussalam menurut Datin Edah, sememangnya kaya dengan unsur-unsur tradisi yang dapat dilihat daripada hasil-hasil kerja tangan yang sudah diwarisi turun-temurun. Oleh yang demikian jelasnya, hasil pertukangan dan kerja tangan yang kita warisi ini tidak seharusnya tinggal sebagai bahan-bahan pameran saja tetapi patut

diasuh dan diperkembangkan.

"Usaha-usaha atau kerja-kerja yang berkebakikan sedemikian ini jika dibuat dengan bersungguh-sungguh walaupun secara tidak sepenuh masa boleh menjadi sumber pendapatan yang berpotensi bagi kaum wanita di negara ini," jelas Datin Edah.

Selain dari memperkenalkan hasil kerja tangan dan

makanan negara-negara yang menyertai pameran, ianya juga dilaksanakan dengan harapan dapat menambah tabung kebajikan anak-anak cacat di negara ini. Yang mana di pameran itu beberapa orang cacat juga telah mempamerkan hasil kerja tangan mereka.

Sebelum sembah ucapan alu-aluan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja (Pindaan), 1985

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kuasa-kuasa yang diberi kepada Baginda oleh bab 31 dari Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja, 1959 dan dengan persetujuan Majlis Mashuarat Mengangkat Raja telah membuat satu Pemashhoran pada 2 September 1985 yang digelar sebagai "Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja (Pindaan), 1985," yang diiktiraf sebagai telah berjalan kuatkuasanya mulai dari 11 April 1984.

Perkara ini telah diumumkan melalui Surat Keliling Kementerian Undang-Undang bilangan 5/1985 rujuk KUU/1985/VI bertarikh 10 September 1985.

Tujuan Pemashhoran berkenaan itu dibuat ialah bagi meminda peruntukan berkenaan dengan keanggotaan Majlis Mashuarat Mengangkat Raja di bawah bab 6(2) dan peruntukan berhubung dengan lantekan Setia Usaha kepada Majlis Mashuarat tersebut di bawah bab 7(2). Turut dipinda ialah bab 7(3) yang berhubung dengan orang yang dikehendaki untuk menyaksikan tandatangan Yang Di-Pertua Majlis Mashuarat Mengangkat Raja.

Ceraian (2) bab 6 dari Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja, 1959 yang asalnya berbunyi "Majlis itu akan mengandungi,

- tiap-tiap pegawai yang sah di-lantek dengan surat yang ditandatangani oleh Sultan serta jua mohor-nya untuk memegang gelaran atau jawatan bagi Majlis Mashuarat Mengangkat Raja dan Menter;
- empat orang Menteri yang di-lantek oleh Sultan menjadi Ahli Majlis itu;
- kesemua orang bangsa Melayu yang menjadi Ahli Majlis Mashuarat Menter-Menter; dan
- enam orang Ahli dari Majlis Mashuarat Ugama yang di-lantek oleh Sultan menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Mengangkat Raja. Di-

dalam cheraian ini perkataan 'Sultan' termasuk 'Jema'ah Pemangku Raja' adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut:

"(2)Majlis Mashuarat Mengangkat Raja akan mengandungi -

- Mana2 Ahli Majlis Mashuarat Menter2 yang berbangsa Melayu yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi Ahli Majlis Mashuarat Mengangkat Raja;
- Mana2 orang yang memegang gelaran Wazir atau Cheteria yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi Ahli Majlis Mashuarat Mengangkat Raja;
- Mana2 Pehin Menteri atau mana-mana orang yang bernama yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi Ahli Majlis Mashuarat Mengangkat Raja;
- Mana2 Ahli dari Majlis Mashuarat Ugama yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi Ahli Majlis Mashuarat Mengangkat Raja".

Ceraian (2) dan (3) bab 7 dari Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja, 1959 yang asalnya berbunyi "Setia Usaha Kerajaan hendaklah menjadi Setia Usaha kerana jawatan bagi Majlis Mashuarat Mengangkat Raja itu. (3) Tandatangan Yang Di-Pertua hendaklah disaksikan oleh Menter Besar atau, jika Menter Besar tiada hadir atau jika dengan apa2 sebab dia tiada upaya menjalankan pekerjaannya, oleh dua orang Ahli Majlis itu ia itu Ahli2 yang di-lantek olehnya dengan ketetapan bila-bila dikehendaki" adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut -

" (2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek sa-orang untuk menjadi Setia Usaha kepada Majlis Mashuarat Mengangkat Raja.

(3) Tanda tangan Yang Di-Pertua hendaklah di-saksikan oleh dua orang Ahli Majlis Mashuarat Menter2 yang di-lantek menjadi Ahli Majlis Mashuarat Mengangkat Raja dan hadir dipersidangan Majlis Mashuarat Mengangkat Raja yang berkenaan."

Pembangunan

Pembangunan material bagi umat Islam adalah suatu perkara yang mutlak kerana dengan adanya umat Islam akan menjadi kuat dan mulia serta disegani oleh umat-umat lain seterusnya dapat menjadi sebaik-baik umat yang menyeru kepada kebaikan dan menegahkan berlakunya kemungkaran. Menurut Muhammad Asad dalam bukunya 'Islam Di Simpang Jalan' menekankan bahawa barat moden memuja hidup dalam cara tepat sama seperti si rakus memuja makanannya, ia menelannya tetapi ia tidak punya respek terhadapnya. Sebaliknya Islam memandang kehidupan duniawi dengan tenang dan penuh respek. Ia tidak memujanya tetapi memandangnya sebagai suatu tangga dalam perjalanan menuju kehidupan yang lebih tinggi. Tetapi justeru kerana ia adalah tangga, dan tangga yang perlu pula, manusia tidak berhak untuk menghinanya atau bahkan menganggap remeh nilai kehidupan duniawinya. Perjalanan kita melintasi dunia ini adalah satu bagian yang pasti dan positif dalam rencana Allah. Oleh kerana itu kehidupan manusia bernilai sangat tinggi sekali tetapi ia tidak boleh melupakan bahawa itu hanyalah nilai instrumental, sebagai alat saja.

"Dalam meneroka alam pembangunan yang bermacam-macam ragamnya dan berbagai-bagai pula akibatnya, umat Islam tidak dapat berpegang kepada yang lain selain daripada landasan-landasan aqidah Islamiyyah dan keimanan kepada aqidah tersebut. Selagi umat Islam berpegang kepada landasan-landasan tersebut pembanguan yang mereka usahakan pasti akan mencapai matlamat yang sebenarnya," demikian tekan Ustaz Haji Awang Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Peranan Aqidah Dalam Pendidikan Islam Sebagai Asas Untuk Pembangunan Umat".

Oleh itu pembangunan dari kaca mata Islam ialah pembangunan yang dipimpin mengikut perintah Allah Subhanahu Wataala bukan sebarang pembangunan atau asal ada pembangunan. Pembangunan yang bertentangan dengan hukum-hukum Allah bukannya pembangunan. Itu adalah kemunduran atau jalan ke arah kehancuran.

Pembangunan yang bercampur dengan apa jua bentuk maksiat juga tidak menepati konsep pembangunan yang dituntut oleh Islam. Jika pembangunan seumpama itu dipaksa-paksa maka orang-orang yang beriman lebih rela tidak ada pembangunan kerana orang-orang yang beriman tidak mahu mencampurkan unsur-unsur keimanan dengan unsur-unsur kekafiran. Dan tidak mahu beriman hanya dengan sebahagian daripada ajaran-ajaran agama mereka dan kafir dengan sebahagian yang lain.

Cara Yang Tersendiri

Mengenai Pemecahan masalah, Ustaz Haji Awang Mohd Amin yang juga punya kelulusan ijazah sar-

Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah

SUATU SOROTAN

(Sambungan minggu lalu)

Susunan: Mohd. Salleh Abd. Latif

ini berkata bahawa Islam mempunyai caranya yang tersendiri dalam menyelesaikan masalah-masalah manusia. Cara yang tidak sama dengan dogma-dogma atau aqidah-aqidah lain. Ia tidak tergantung kepada nilai-nilai yang bersifat sementara. Ia juga pada prinsipnya tidak semata-mata meletakkan penyelesaian sesuatu masalah kepada hasil pemikiran manusia. Sekalipun pemikiran tersebut, boleh diambil kira dalam memperkembangkan prinsip-prinsip tersebut tetapi ianya mesti pula diasaskan kepada landasan-landasan yang betul menurut aqidah Islamiyyah, dan bukannya landasan yang dibuat sewenang-wenang serta dipengaruhi oleh hawa nafsu.

Pendidikan Rumahtangga

Tajuk Ustaz Haji Awang Mohd Amin juga dibentangkan oleh Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Beliau menekankan bahawa kekuatan pengaruh pendidikan rumahtangga akan banyak bergantung kepada rasa tanggungjawab ibu bapa dan kefahaman mereka tentang betapa besarnya peranan aqidah tauhid dalam pembentukan syahsiah anak-anak. Bagi mereka yang menghargai peranan agama sama ada melalui guru Al-Quran atau sekolah agama.

"Pelajar-pelajar yang tidak terdedah kepada konsep Tauhid dan Din dalam Islam mudah pula terpengaruh dengan ideologi-ideologi asing yang terselindung di sebalik beberapa disiplin dan mata pelajaran," kata Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan lalu menyambung, tanpa latar belakang pendidikan agama yang berkesan, sebelum memasuki universiti, adalah sukar untuk ditanamkan keyakinan di kalangan pelajar bahawa pembangunan diri dan umat Islam tidak bererti kalau tidak diasaskan di atas landasan tauhid. Pendidikan dan pelajaran formal yang liberal yang mereka perolehi

di universiti tidak bertujuan untuk menunjukkan bahawa manusia perlu kepada aqidah tauhid untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat sebagaimana ikan perlu kepada air.

Beliau juga memetik ringkasan rumusan dari Persidangan Sedunia Yang Pertama Mengenai Pendidikan Islam yang dilangsungkan di Mekah Al-Mukarramah pada tahun 1977 anjuran Universiti Malik Abdul Aziz di Jeddah dalam mana para pemikir dan tokoh-tokoh pendidikan Islam berpendapat bahawa :

- a) Tujuan pendidikan harus disesuaikan dengan konsep pembangunan sepadu seluruh potensi dalam peribadi manusia ke arah merealisasi makna pengabdian yang sebenarnya kepada Allah.
- b) Semua negeri orang Islam mesti melaksanakan Syariah Allah dan membentuk kehidupan rakyat atas prinsip dan nilai-nilai Islam.
- c) Ilmu pengetahuan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu yang pertama ialah ilmu pengetahuan yang berdasarkan wahyu (al-marifat al-qa'imah ala'l-wahyi) dan yang kedua ialah ilmu pengetahuan yang dicapai melalui pemikiran manusia (al-marifat al-muktasabah) yang mencakup ilmu-ilmu kemasyarakatan sains tabii dan sains terapan.
- d) Perlu diwujudkan satu ilmu teras yang menekankan ajaran-ajaran aqidah dan Syariah yang diwajibkan kepada semua pelajar Muslim dari peringkat rendah sampai ke peringkat yang paling tinggi. Pembelajaran bahasa Arab juga mesti diwajibkan.



PROFESOR Madya Dr. Sulaiman bin Haji Yassin dari Malaysia.



PROFESOR Dr. Mohd. Kamal Hassan dari Malaysia.



KIYAI Haji Mahibuddin Wali dari Republik Indonesia.

Mengakhiri kertas kerja Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan menekankan bahawa suatu sistem pendidikan sepadu dari peringkat sekolah dasar sampai ke peringkat universiti perlu diwujudkan oleh masyarakat Islam. Berdasarkan kepada falsafah ilmu dan pendidikan Islam, serta pandangan sistem sepadu itu akan menghapuskan amalan dualisme dan sekularisasi yang memisahkan ilmu-ilmu keduniaan dari aqidah tauhid dan ajaran-ajaran Islam.

Sistem ini tidak akan menyekat keperluan pendidikan iktisad, malah ia akan menjamin hubungan yang erat antara professional specialization dan Etika Islam dan Aqidah Tauhid. Dari sistem sepadu itu akan lahirlah peribadi-peribadi "berilmu, beriman dan beramal salih" yang dapat membangun ekonomi, politik dan budaya tanpa melibatkan unsur rasuah, penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa, penindasan, penipuan, kezaliman, tamak haloba, mengejar pangkat dan "status symbol" serta pengaruh hawa nafsu yang semuanya akan menggagalkan tujuan-tujuan baik dalam pembangunan.

Atas Satu Aqidah

Professor Kiyai Haji Tengku Muhibuddin Waly

yang pernah jadi Ketua Umum (Director General) Ikatan Ulama Islam Ahli Sunnah Wal-Jemaah dalam kertas kerjanya bertajuk "Perlunya Aqidah Ahli Sunnah Diperkembangkan dan Diperhatikan" menekankan dua belas pendapat mengenainya.

Pertama, umat Islam berada di atas satu aqidah ketika wafat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Perselisihan sahabat dalam masalah imamah dan teraju kepimpinan yang tidak mewajipkan iman dan juga tidak kufur. Kedua, golongan Islam yang selamat ialah Ahli Sunnah Wal-Jemaah. Ketiga, Ahli Sunnah Wal-Jemaah ialah golongan Asyari dan Maturidi bersama pengikut-pengikutnya. Keempat, Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah adalah mazhab ulama salaf. Kelima, perbezaan antara golongan Asyari dan golongan Maturidi mirip dari segi istilah saja.

Perlembagaan Syariat

Kiyai Haji Mahibuddin Waly yang mendapat pendidikan awal hingga tinggi di Pesnterin Darussalam, Labuhan Haji Aceh, Sumatra Utara dari tahun 1944 hingga 1954 seterusnya melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1964 hingga 1970 dengan memperolehi Ijazah Sarjana (Master Degree) dan Ijazah Doctorate (Ph. Degree) langsung menyuarakan pendapatnya yang keenam, pengikut-pengikut Al-Asyari terdiri dari pembesar ulama fiqh mazhab yang empat dan ulama-ulama hadis sependapat bahawa Al-Asyari salah seorang imam ahli-hadis.

Ketujuh, perbezaan pendapat ulama-ulama dalam furu' furu' fiqh itu tidaklah menunjukkan kerantuhan agama kerana perbezaan pendapat mereka adalah dalam perkara ranting selama tidak ada dalil hukumnya yang sabit dan jelas. Kelapan, perselisihan pendapat ulama Mujtahid dalam masalah furu', rahmat bagi umat. Kesembilan, Al-Quran ialah perlembagaan syariat dan Al-Hadis sebagai penafsirnya dan orang awam tidak upaya mengolah hukum secara

langsung dari Quran dan Hadis.

Kesepuluh, bahawa ijihad telah berlaku pada ulama sahabat dan keputusan ijihad-ijihad muslim yang fakih adalah hukum Allah pada orang yang minta fatwa kepadanya, ijihad itu adalah usaha orang Mujtahid, bukan usaha orang awam, adapun usaha orang awam jauh sekali dari kebenaran.

Kesebelas, hakikat kesatupaduan Islamiyyah berdasarkan Ahli Sunnah Wal-Jemaah dan kedua belas ialah apabila timbul penyelewengan dari tiap-tiap dalil itu dan mengajak orang supaya jangan terikat dengan belenggu mazhab dan pengikut-pengikutnya dan menyeru supaya berjihad sendiri.

Dasar Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah

Profesor Madya Sulaiman bin Haji Yassin yang memperolehi M.A. Al-Azhar yang sekarang menjadi Pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia menekankan bahawa Ahli-ahli Sunnah Wal-Jemaah mempunyai dasar-dasar yang bersifat pokok dan asas, yang disepakati oleh semua dalam aliran ahli Al-Sunnah Wal-Jemaah. Di antara dasar-dasar tersebut ialah: Asas pertama (Metodologi) kefarmuan mengenali Allah. Allah telah mencipta dan menyediakan dalam diri manusia, segala alat persediaan dan kelengkapan yang dapat digunakan untuk mengesan dan membawa ke jalan mengenali Allah. Alat ini merangkumi pancaindera, kejiwaan dan pemikiran. Atas asas ini maka Allah telah mentaklifkan setiap manusia yang mukallaf, serta mewajipkan atau memfardukan ke atas mereka mengenali Allah melalui autoritas Wahyu atau Syarak dengan erti bahawa ia adalah dipertanggungjawabkan oleh Wahyu dan Syarak sebagai kuasa luar dari dirinya yang berkuasa dan berhak mengambil tindakan ke atasnya: Menuliskan nilai pahala bagi yang mematuhi dan nilai dosa kepada yang tidak mematuhi.



SEBAHAGIAN daripada peserta Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah. — Gambar Ak. Bahar

LEBIH 300 ORANG HADIRI SYARAHAN UGAMA

PULAI. — Lebih 300 orang telah menghadiri satu syarahan agama yang telah berlangsung di Dewan Persidangan Pusat Dakwah Islamiah di sini pada petang hari Jumaat yang lalu.

Syarahan yang bertajuk 'Al-

Quran dan Sains Modern' itu telah disampaikan oleh Profesor Dr. Mauris Bucialle dari Perancis.

Adalah difahamkan bahawa syarahan tersebut diadakan oleh Pusat Dakwah Islamiah sebagai salah

satu projek untuk mengembangkan pengajaran dan syiar Islam di negara ini sesuai dengan peranannya sebagai Institusi perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Antara yang hadir termasuklah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan; Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran di Kementerian Pembangunan; Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan, ketua-ketua jabatan, pensyarah-pensyarah, penuntut-penuntut serta orang-orang awam.

Sementara pada hari Sabtu pula ceramah yang sama telah diadakan di Pusat Tingkatan Enam, Gadong.



PROFESOR Dr. Mauris Bucialle dari Perancis ketika menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Al-Quran dan Sains Modern'. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.



PERTUBUHAN Fotografi Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan peraduan SEHARI mengambil gambar slide berwarna kali ke-2 pada 22 September, 1985. Lebih 50 penyertaan telah diterima. Gambar menunjukkan sebahagian peserta-peserta yang turut serta bergambar ramai di depan bangunan RTB pada hari tersebut.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan; Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan, Awang Haji Salleh bin Haji Hidup dan YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan serta lain-lain pegawai kanan yang menghadiri syarahan pada hari itu. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Minggu kerjaya PUJA

GADONG. — Minggu Kerjaya Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Akitek (PUJA) selama enam hari kini sedang diadakan di Dewan Pusat Tingkatan Enam di sini.

Minggu Kerjaya yang bertemakan 'Cabaran dan Peluang Dalam Kerjaya Teknikal' telah dibuka rasmi semalam oleh Setiausaha Tetap (Teknikal) di Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Istail bin Pengiran Haji Damit, yang juga selaku Yang Dipertua PUJA.

Minggu Kerjaya PUJA itu dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan Kesihatan dan Pengetua Pusat Tingkatan Enam akan mengandungi ceramah oleh beberapa orang Profesional di negara ini, pameran dari hasil kerja profesional, alat-alat yang digunakan dan rajah menunjukkan pencapaian

taraf profesional yang diakui.

Ceramah-ceramah yang akan disampaikan adalah di sekitar bidang ukur, jurutera dan akitek. Penuntut-penuntut yang berminat di tiga bidang tersebut adalah dipelawa menghadiri ceramah di hari kedua. Sementara itu, pameran dibuka untuk kunjungan sehingga 5 Oktober termasuk hari Jumaat, 4 Oktober.

Minggu Kerjaya PUJA yang pertama dianjurkan itu khas bagi penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam yang sudah sampai di peringkat sebelum pengajian tinggi dan sudah tentu memilih kerjaya yang mereka kehendaki. Selain dari itu, ianya juga dibuka kepada penuntut-penuntut Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal yang sedang mengikuti pengajian di aliran teknikal yang tertentu.

Tujuan asas minggu tersebut ialah untuk menarik minat penuntut-penuntut ke bidang pengukuran, kejuruteraan dan akitek supaya mereka membuat pilihan kerjaya di salah satu bidang dalam lingkungan ilmu-ilmu itu.

Bagi penuntut-penuntut yang sudah bercita-cita di salah satu bidang itu dan sudah membuat keputusan sama ada untuk menjadi Jurukukur Bahan, Jurukukur Tanah, Jurutera atau Akitek, minggu itu bertujuan bagi membayangkan apa yang akan mereka tempuhi di pengajian tinggi dan seterusnya apabila mereka berkerja kelak.

Minggu Kerja PUJA akan berakhir pada 7 Oktober ini dengan satu lawatan oleh penuntut-penuntut yang berminat ke kawasan projek yang difikirkan menarik perhatian.

SOROTAN SEMINAR

Asas Kedua

Alam semesta dan hubungannya dengan Maha Pencipta dengan keyakinan bahawa alam semesta ialah segala sesuatu selain Allah dengan segala sifat-sifatnya yang azali. Alam semesta adalah makhluk yang dicipta dan dijadikan, bukannya jadi dengan sendiri tanpa ada yang menjadikannya. Penciptaan awalnya tidak didahului oleh suatu bahan benda, masa dan bentuk contohnya.

Alam semesta yang sifatnya dicipta ada permulaannya dan ada kesudahannya, bukannya abadi dan azali.

Asas Ketiga

Asas ketiga bagi dasar aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah ialah tentang kewujudan Allah adalah titik awal kepada segala sesuatu dan sumber kepada segala hakikat di alam semesta. Ketepatan gambaran tentang hakikat Ketuhanan Allah menjadi syarat mutlak kepada kelurusan perjalanan hidup manusia dan tamadunya yang sebenar dan hakiki. Oleh kerana itu Al-Quran tidak mengabaikan atau

memperkecilkan hakikat teragung di alam wujud yang menjadi permasalahan teragung dalam pemikiran manusia supaya dapat diterima dengan penuh kerelaan dan keimanan oleh manusia.

Kewujudan Allah, Tuhan Maha Pencipta adalah satu kepastian yang sememangnya diadakan pada setiap makhluk ciptaan-Nya. Kepastian ini dapat dirasakan dengan begitu jelas oleh manusia yang masih bersih fitrah semula jadinya. Demikian juga kepastiannya dapat dibuktikan melalui daya kemampuan yang disediakan oleh Maha Pencipta dalam diri manusia.

Asas Kelima

Selain dari makhluk Malaikat, manusia pada umumnya adalah lebih mulia dari segala makhluk Allah. Kemuliaan manusia dari Malaikat adalah suatu masalah yang tidak mempunyai bukti dan dalil yang yakin. Oleh itu kita serahkan kepada Allah.

Asas Keenam

Hakikat alam ghaib seperti hakikat alam barzakh dalam

mana selepas seseorang itu meninggal dan biasanya dikuburkan akan disoal oleh dua Malaikat. Orang yang salih dan bertakwa akan diilhamkan oleh Allah menjawab soalnya tanpa gerun dengan bentuk kedua-dua Malaikat tersebut manakala orang kafir atau munafik tidak akan dapat menjawab dengan tepat dan benar, lalu dipukul, yang jeritannya didengar oleh setiap yang berada di sekelilingnya selain dari manusia dan jin. Soalan kubur oleh Malaikat adalah hakikat.

Hari Kebinasaaan atau kiamat alam semesta dan berlaku perubahan sistem peredaran dan perjalanan alam semesta ini adalah hakikat. Begitu jua kebangkitan semula dengan dikembalikan roh setiap makhluk kepada asal badannya adalah hakikat.

Berlakunya Al-Sayafa'ah dari para Nabi, terutama Nabi Muhammad dan setengah dari hamba Allah yang salih adalah hakikat. Syafa'ah adalah satu gambaran dari rahmat Allah ke atas hamba-hamba-Nya.

Syurga dan neraka adalah hakikat. Kedua-duanya adalah natijah terakhir dari perjalanan hidup manusia semasa di dunia. Keduanya adalah tempat menerima balasan yang terakhir yang kekal abadi selama-lamanya.

Asas Ketujuh

Asas terakhir yang dikatakan oleh Profesor Madya Sulaiman yang juga pernah menghasilkan buku-buku bercorak agama ini seperti 'Pengantar Falsafah Islam', 'Pengantar Aqidah', dan 'Empat Konsipsi Asas Dalam Islam' dan lain-lain lagi ialah syari'at Allah.

Sumber syari'at Allah ialah Al-Kitab (Al-Quran) Al-Sunnah dan Ijma'. Syari'at Allah meliputi semua bidang kegiatan dalam kehidupan manusia. Segala kegiatan manusia yang mukallaf tidak terkeluar dari lima hukumnya; wajib, haram, sunat, makruh dan harus.

"Mewajibkan apa yang diwajibkan, mengharamkan apa yang diharamkan, menasihatkan apa yang disunatkan, memakruhkan apa yang

dimakruhkan dan mengharuskan apa yang diharuskan oleh syarak," demikian kata Profesor Madya Sulaiman sewaktu membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Penyelewengan Dari Dasar Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah Pada Masa Sekarang Dan Saranan-Saranan Untuk Mengatasinya."

Kesimpulan

Aqidah adalah soal kepercayaan. Penulis merasa beruntung kerana dapat mengikuti seminar ini, dan penuh percaya seperti juga peserta-peserta yang lain beroleh manfaat yang sungguh-sungguh berguna dalam perjuangan kita sebagai bangsa yang ingin menegakkan serta membersihkan agama Islam daripada pengaruh-pengaruh ajaran ajaran sesat dan menyeleweng yang memecahkan perpaduan umat Islam.

Perpaduan yang wujud didukung lagi dengan keterlibatan semua lapisan dalam memperhalusi aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah tan- pa mengira kita duduk di

mana, baik dalam pengurusan, dalam pentadbiran, dalam pendidikan, dalam kesukanan, dalam kebajikan dan sebagainya akan memungkinkan untuk kita mengenali "siapa diri kita sebenarnya".

Manusia dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala untuk mengabdikan dirinya kepada Allah dalam satu rangka pengabdian yang sangat unik. Pengabdian ini harus berlaku dalam konteks menjalankan tugas dan amanah Allah selaku pewaris di bumi. Di atas asas iman kepada Allah, para Malaikat-Nya, kitab-kitab suci-Nya, Pesuruh-pesuruh-Nya, hari pembalasan dan akhirat serta Qada dan Qadar-Nya, manusia harus membangun kehidupan di dunia ini sesuai dengan kehendak dan ketetapan serta garis panduan Rabbal-Alamin, Malik al-Nas dan Ilah al-Nas. Garis panduan, ketepatan, dan peraturan Ilahi ini disebut sebagai Syariah. Apabila ia dipatuhi maka kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara akan menjadi selamat di dunia dan di

Sambungan dari muka 10